

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), Ketua Polis Negara telah mencadangkan untuk menaikkan kadar kompaun jalanraya bertujuan memberikan kesedaran kepada pengguna jalanraya agar lebih berhati-hati dan lebih berhemah semasa memandu. Di samping itu, ia bertujuan mendidik masyarakat ke arah mengurangkan kes kemalangan jalanraya terutama atas kesalahan yang boleh menyumbang berlakunya kemalangan seperti memandu terlalu laju, memotong di garisan berkembar, potong "Q", tidak berhenti di lampu isyarat berwarna merah dan sebagainya. Kadar kompaun maksimum tidak pernah dikaji sejak Akta Pengangkutan Jalan Raya 1987 dikuatkuasakan iaitu 29 tahun yang lalu dan kadar kompaun sedia ada tidak menimbulkan perasaan takut kepada pengguna jalanraya. Walau bagaimanapun perkara ini masih di peringkat kajian dan sedang mendapatkan pandangan dari semua pihak yang berkepentingan sebelum dilaksanakan.

Bagi menjawab soalan (b), cadangan menaikkan kadar kompaun dilihat dapat membantu untuk mengurangkan kadar kemalangan kerana pengguna jalanraya akan terkesan untuk membayar kompaun yang tinggi dan akan sentiasa berhati-hati, berhemah serta tidak sewenang-wenangnya melanggar peraturan jalanraya.